

13/12/1997

Kempen Melawat Sarawak

KUCHING, Jumaat - Menteri dan Timbalan Menteri Kerajaan Pusat sudah dijemput bagi melawat beberapa tempat menarik di negeri ini, sempena kempen 'Melawat Sarawak' yang sedang diadakan sekarang.

Menteri Pelancongan Negeri, Dr James Jemut Masing, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Datuk Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut dijemput bercuti dan melawat tempat menarik di negeri ini.

Menurutnya, surat jemputan yang beliau sendiri tandatangani berserta risalah pakej yang ditawarkan telah dihantar kepada semua menteri dan timbalan menteri kerajaan Pusat tiga hari lalu.

Katanya, program ini berikutan arahan kerajaan Pusat agar semua menteri bercuti di dalam negeri selaras langkah berjimat cermat kerajaan sekarang.

"Sekaranglah masanya untuk penduduk di Semenanjung melawat Sarawak yang mempunyai banyak tempat menarik yang tidak ada di Semenanjung dan belum pernah mereka lihat sebelum ini.

"Tidak payah mereka pergi ke seberang laut, kerana Sarawak juga seberang laut, kerana penduduk Semenanjung terpaksa menyeberang Laut China Selatan," kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Akta Industri Pelancongan, di sini, hari ini.

Kira-kira 100 peserta dari agensi pelancongan di negeri ini menyertai seminar sehari itu yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pelancong Sarawak.

Ia bertujuan untuk mendedahkan kepada agensi pelancongan mengenai produk pelancongan baru yang terdapat di Sarawak.

Selain itu untuk memberi maklumat kepada agensi pelancongan terhadap peluang dan insentif yang disediakan oleh kementerian itu bagi menjayakan pembangunan industri pelancongan.

Ia juga bertujuan memberi pengetahuan mendalam mengenai Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Dr Masing berkata, berikutan kempen itu Penerbangan Malaysia (MAS) ada menyediakan pakej ke negeri ini.

"Pakej dari Kuala Lumpur ke Kuching untuk tiga hari dan dua malam cuma RM333. Kalau terus ke Batang Air di Bahagian Sri Aman untuk empat hari tiga malam hanya RM455 tinggal di Hotel Hilton manakal pakej yang disediakan kurang daripada RM360.

"Saya memberi jaminan bahawa semua pihak di negeri ini, termasuk orang akhbar tidak akan mengganggu masa cuti mana-mana menteri dan timbalan menteri yang menghabiskan masa cuti mereka di sini dengan urusan rasmi.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menyeru pengusaha pelancongan di negeri ini agar memperhebatkan lagi promosi di Semenanjung dan luar negara.

Katanya, sekarang adalah era emas bagi pengusaha pelancongan di negeri ini, kerana seorang pelancong dari Britain yang melawat dua malam di sini boleh mendapat tambahan semalam secara percuma.

Beliau berkata, ini berikutan penurunan nilai ringgit sekarang yang membolehkan pelancong untuk tinggal lama di negeri ini.

(END)